

MEI 2018



# CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Laman Nurani

"Tiada suatu ucapan pun yang diucapkan nyalainkan ada di dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir"

Surah Qaaaf: ayat 50



**Rabu, 2 Mei 2018** - YB Dato Menteri KKBS telah menyampaikan Pek Literasi Awal 2018 kepada seramai 378 anak damit terdiri daripada 296 anak damit di Daerah Brunei Muara, 31 anak damit di Daerah Tutong, 50 anak damit di Daerah Belait dan seorang anak damit di Daerah Temburong bersempena Sambutan HKK. Pmk Pengarah DBP selaku penasihat majlis dalam ucapannya antaralain mengatakan program bertujuan untuk menjunjung titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD dan sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah tentang kepentingan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira dalam melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat, berpengetahuan, berkualiti dan berdaya saing. Juga ditayangkan ialah video kegiatan dan pemantauan Program Literasi Awal yang sering kali diadakan pada Cuti Penggal Sekolah. Melalui program itu diharap kadar literasi dalam kalangan anak damit di negara ini akan meningkat bagi mencapai Wawasan 2035.

**Rabu, 2 Mei 2018** - Perlawanan peringkat separuh akhir antara pasukan Timor Leste dengan Pasukan Singapura dalam Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah bagi Belia ASEAN 2018 telah dimenangi oleh pasukan Timor Leste dengan jaringan 2 – 1. Dengan kemenangan pasukan Timor Leste, pasukan Singapura hanya mampu berkongsi tempat ketiga bersama pasukan Myanmar yang kalah kepada pasukan Kemboja dengan jaringan 2 - 1. Perlawanan berlangsung di Balapan dan Padang, KSNHB, Berakas. Hadiah-hadiah di tempat ketiga telah disampaikan oleh YB Dato Menteri KKBS.



**Khamis, 3 Mei 2018** - Majlis Kesukuran Sempena Hari Keluarga Kebangsaan ke-6, tahun 2018 telah diadakan serentak di seluruh negara. Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil. Hadir menyertai jemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar YB Menteri Pembangunan dan YB Dato Menteri KKBS. Majlis kesukuran ini bertujuan untuk memohon keberkatan agar semua program yang telah dirancang berjalan dengan sempurna dan lancar.

**Ahad, 6 Mei 2018** – Keberangkatan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi sama-sama menyertai acara kemuncak Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang berlangsung di Taman SOAS telah memeriahkan lagi suasana sambutan Hari Keluarga di taman berkenaan. Turut berangkat ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. Keberangkatan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung oleh YB Pehin Menteri KHEU; YB Dato Menteri Kesihatan; YB Dato Menteri KKBS dan YB Menteri KP selaku Pemangku Menteri KHEDN.

Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni 2018 sejauh 11.490 kilometer telah disertai oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja. Turut menyertai Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Ketua-ketua Perwakilan dari negara sahabat, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan -Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan orang ramai termasuk warga asing sejurus selepas itu, KDYMM berserta kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan aktiviti-aktiviti acara Riadah Keluarga Harmoni yang berlangsung di Taman tersebut.



**Isnin, 7 Mei 2018** - Seramai 400 peserta belia terdiri dari Ahli-ahli Persatuan Belia dan Sukan, PKBN, PPB, mahasiswa institusi-institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut sekolah, Alumni/bekas peserta program Pertukaran Belia Antarabangsa seperti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun, Japan - EANE for Student and Youths telah menghadiri Program Ahlan Ya Ramadan bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi anjuran KKBS yang telah diadakan di Masjid Kampung Belimbang, Subok. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Juara Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara 2017, dan ceramah 'Andai Ini Ramadanku Terakhir' yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah MUIB, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli. YB Dato kemudiannya menyempurnakan penyampaian cenderamata dan bantuan projek-projek belia di bulan Ramadan kepada Alumni Program Belia Cinta Tanah Air; Kumpulan Al-Huffaz; Persatuan weCARE dan Kelab Komuniti Belia Transformasi.



**Khamis, 10 Mei 2018** - YB Dato Menteri KKBS telah menjadi tetamu kehormat di majlis Youth Business Talk 2018 yang telah disertai oleh 100 belia yang terdiri dari kalangan sukarelawan, pelajar-pelajar IBTE, institusi pengajian tinggi serta individu yang berkepentingan. Acara berlangsung selama 3 hari itu diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Belia bertujuan untuk membantu memupuk dan menyokong belia-belia yang ingin berniaga di dalam memberikan latihan dan tunjuk ajar, selain menjadi platform kepada para belia untuk memberi pendapat mengenai isu globalisasi, khasnya dalam bidang kewangan dan keusahawanan.



**Sabtu, 12 Mei 2018** - Majlis Penutup Trek dan Padang Kebangsaan 2018 yang berlangsung di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Tutong telah disaksikan oleh YB Dato Menteri KKBS. Majlis ini menyaksikan Awang Mohd. Nor Firdaus Ar-Rasyid bin Haji Mohd. Idris menerima Anugerah Atlet Cemerlang bagi Tahun 2017. Anugerah bagi Pasukan Relay Cemerlang dimenangi oleh Awang Mohd. Nor Firdaus Ar-Rasyid, Awang Mohd. Fakhri bin Ismail, Awang Abdul Rahim bin Abdullah dan Awang Mohd. Faizul bin Abdullah. Manakala Jurulatih Olahraga Kebangsaan, Isedro Del Prado pula memenangi Anugerah Jurulatih Cemerlang. Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri.

**Selasa, 8 Mei 2018** - Pembukaan Kejohanan Ragbi Asia Timur Divisyen III, 2018 yang berlangsung di Balapan dan Padang, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah telah disaksikan oleh YB Dato Menteri KKBS. Dalam perlawanan pembukaan ini menyaksikan Pasukan Negara Brunei Darussalam kalah kepada pasukan Guam dengan jaringan mata 12 – 66.



**Khamis, 10 Mei 2018** - Majlis pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri KKBS. Majlis diadakan di Dewan Digadong. SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang telah dimulakan sejak tahun 2005 dan diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Data Stream Technology dan Progesif Cellular Sdn. Bhd untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menghulurkan derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan. Kutipan derma melalui SMS bermula pada 10 Mei hingga 18 Jun 2018. Turut hadir SUT KKBS dan pegawai-pegawai kanan KKBS, RTB, DST dan PCSB.



**Isnin, 14 Mei 2018** - Majlis Doa Kesyukuran sempena Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 telah diadakan oleh KKBS bertempat di Dewan Digadong. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis diadakan bertujuan bagi memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan izin-Nya Kejohanan HBT 2018 berlangsung dengan sempurna dan jayanya. Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan AJKT Kejohanan HBT 2018. Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Urus Setia dan Teknikal; Pasukan Bola Sepak HBT; Sukarelawan serta pegawai juga kakitangan KKBS, iaitu mereka yang terlibat dalam penganjuran Kejohanan HBT 2018. Kejohanan berlangsung mulai 23 April hingga 5 Mei 2018.



**Sabtu, 19 Mei 2018** - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Ceramah Awal Ramadan bertempat di Dewan Al-Afiah. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS selaku Pemangku Menteri Kesihatan. Ceramah bertajuk 'Meraih Berkat di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali. Majlis tersebut merupakan salah satu daripada aktiviti keugamaan tahunan Kementerian Kesihatan dan dikelolakan oleh Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan. Antara tujuan majlis ilmu ini diadakan adalah bagi mengeratkan lagi ukhuwah sesama muslim, di samping mengharapkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.



**Selasa, 15 Mei 2018** - Pertandingan Bercerita Foklor ASEAN 2018 sempena dengan Pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Bandar Raya Kebudayaan ASEAN bagi Tahun 2017 / 2018 telah berlangsung di Dewan Digadong, KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Dayang Siti Maisarah binti Mohammad Asnawi dari Sekolah Rendah Datu Ratna Mohd. Jaafar, Kiarong dan Awangku Muhammad Aqil Nurfail bin Pengiran Hasnul Bahrin dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit masing-masing muncul sebagai juara bagi Kategori 'A'. Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh tetamu kehormat. Pertandingan ini bertujuan untuk mengetengahkan dan menyerlahkan cerita-cerita rakyat negara-negara ASEAN terutamanya kepada generasi muda di negara ini dan sekaligus mengenali kebudayaan, sejarah dan sosio-ekonomi negara-negara ASEAN.



**Ahad, 20 Mei 2018** - Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar mengambil inisiatif mengungkayahkan Majlis Bertadarus Al-Quran yang diadakan malam semalam secara berhalaqah setiap malam sepanjang bulan Ramadhan Al-Mubarak. Turut hadir YB Dato Menteri KKBS yang juga pemangku Menteri Kesihatan. Kumpulan dibahagikan kepada 5 dan mempunyai 25 peserta setiap kumpulan dan satu halaqah terdiri dari kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun.





**Rabu, 23 Mei 2018** - YB Dato Menteri Kewangan II dan YB Dato Menteri KKBS telah menyampaikan derma bagi keperluan harian anak-anak yatim dan sebagai persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri dalam Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang diadakan di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Seramai 4,840 anak-anak yatim yang berdaftar dengan JAPEM menerima sumbangan derma daripada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan. Turut menerima sumbangan tersebut anak-anak yatim Daerah Brunei dan Muara yang berjumlah 3,103 orang. Manakala di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong akan disampaikan dalam satu majlis penyerahan derma di daerah masing-masing. Majlis turut diselajurkan dengan Penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang BIBD untuk Anak-Anak Yatim 2017 kepada 21 pelajar daripada Peringkat 'A' Level, 'O' Level, STPU Brunei, dan Peperiksaan Sekolah Rendah. Sebanyak BND90,803.00 telah dikumpul melalui kempen kutipan SMS Brunei Prihatin yang turut dijayakan bersama oleh Radio Televisyen Brunei, DST Communication Sendirian Berhad dan Progressif Cellular Sendirian Berhad.



**Selasa, 22 mei 2018** - YB Dato Menteri KKBS selaku Pengurus Lembaga TAP menghadiri Majlis Membaca Surah Ya Siin dan Bertahlil bagi ayahanda dan bonda KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman bertempat di Kubah Makam Diraja. Majlis bertahlil tersebut merupakan aktiviti sempena bulan Ramadan yang dikendalikan oleh Badan Kebajikan dan Sukan TAP.



**Khamis, 24 Mei 2018** - Program Kembara Amal Ramadan KKBS pada tahun ini dimulakan dengan memberi sumbangan bantuan berupa barang keperluan asas kepada enam buah keluarga di Daerah Brunei dan Muara yang memerlukan bantuan yang tersenarai di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Rombongan program yang diketuai oleh YB Dato Menteri KKBS tersebut dimulakan dengan kunjungan ke rumah keluarga pertama di Kampung Sungai Besar disusuli dengan Kampung Pengkalan Sibabau, Mentiri; Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Kampung Serasa; Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tanah Jambu dan Kampung Perpindahan Jaya Setia Berakas. Turut menyertai rombongan YM Datin SUT dan pegawai-pegawai KKBS.

**Jumaat, 25 Mei 2018** - Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi ayahanda dan bonda KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit diteruskan lagi oleh Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam. Hadir dalam majlis ini YB Pehin Menteri Pertahanan II dan YB Dato Menteri KKBS. Turut hadir Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan lebih 60 ahli persatuan berkennaan.





**Isnin, 28 Mei 2018** - Seramai hampir 200 belia yang terdiri dari bekas peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) dari Tahun 2014 - 2017, belia-belia masjid, atlet termasuk dari Cawangan-cawangan Jabatan Belia dan Sukan dari Daerah Tutong, Belait dan Temburong menghadiri Majlis Tahlil bagi KKBS bertempat di Kubah Makam Diraja. Hadir mengetui rombongan YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan membaca Surah Yaa Siin diikuti Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Penyelidik dan Penterjemah Bahasa Arab, Pusat Sejarah Brunei, Awang Haji Abd. Kadir bin N.C Mohammad. Majlis kemudian diikuti dengan solat fardhu Zuhur dan Majlis Penyampaian Wakaf dari KKBS kepada imam Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.



**Selasa, 29 Mei 2018** - YB Pehin Menteri Pertahanan dan YB Dato Menteri KKBS hadir pada Majlis 25 Kali Khatam Al-Quran bersempena dengan Penubuhan Ke-25 TAP, bertempat di Surau Bangunan Kementerian Kewangan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihilah diikuti bacaan ayat-ayat lazim dan bacaan Takhtim beramai-ramai. Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada tiga orang anak yatim, terdiri daripada anak-anak warga kerja TAP yang disampaikan oleh YB Dato Menteri KKBS. Turut hadir Ahli-ahli Lembaga TAP; Ahli-ahli Panel Pelaburan; JK Audit; Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia serta pegawai juga kakitangan TAP.

**Sabtu, 26 Mei 2018** - Tabung Amanah Pekerja turut menyemarakkan Bulan Ramadhan dengan mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran bertempat di Masjid Kampung Junjongan. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS selaku Pengerusi Lembaga TAP. Majlis disusuli dengan Penyampaian Sumbangan Wakaf berupa perkakas keperluan masjid kepada Imam Masjid Kampung Junjongan, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim dan sumbangan derma kepada 14 Anak Yatim Kampung Junjongan. Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga TAP, Ahli-ahli Panel Pelaburan dan pegawai serta kakitangan TAP. Majlis dikendalikan oleh Badan Kebajikan dan Sukan TAP.



**Isnin, 28 Mei 2018** - Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak, KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Tadarus, Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Wakaf di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. Hadir mengetui rombongan KKBS YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan acara bertadarus diikuti penyampaian sumbangan wakaf KKBS oleh YB Dato Menteri kepada Imam MRSB, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Bada.



**Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim Penyunting & Penyemak**, Jeffree Haji Md Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Jeffree Hj Md Kassim **Jurufoto** Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.